

Pembekuan aset tentera UK tidak jejas FPDA

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 24 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan langkah United Kingdom menyimpan aset tentera lautnya tidak akan menjejaskan kerjasama Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA).

Timbalan Perdana Menteri berkata, negara tersebut telah komited untuk menjadi rakan penting dalam FPDA sebagai satu

persefahaman ketenteraan yang masih relevan dan penting.

"Mereka akan terus menghantar aset-aset untuk dilibatkan dalam sebarang latihan ketenteraan yang bakal diadakan oleh FPDA pada masa akan datang," kata beliau yang juga Menteri Pertahanan.

Beliau berkata, FPDA telah mengalami transformasi yang tidak bertumpu kepada aset-aset pertahanan laut sahaja tetapi turut melibatkan aset pertahanan darat dan udara.

Um - 25/1/2007

Mereka akan terus menghantar aset-aset untuk dilibatkan dalam sebarang latihan ketenteraan yang bakal diadakan oleh FPDA pada masa akan datang

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri

Ketika bercakap pada sidang akhbar pada majlis menandatangani perjanjian antara kerajaan Malaysia dan Satang Jaya Sdn Bhd., bagi penyelenggaraan peralatan keselamatan dan ikhtiar hidup Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini, beliau berkata, perkara itu tidak perlu dibimbangkan.

Najib berkata demikian bagi mengulas laporan baru-baru ini bahawa hampir 50 peratus aset pertahanan tentera laut Britain akan disimpan ekoran langkah negara itu melaksanakan pemotongan belanjawan pertahanan seperti yang disiarkan oleh akhbar negara tersebut.

United Kingdom merupakan salah sebuah negara anggota FPDA. Empat negara lain ialah Australia, Malaysia, New Zealand dan Singapura.

Ketika ditanya mengenai calon Panglima Angkatan Tentera bagi menggantikan Laksamana Tan Sri Mohd. Anwar Mohd. Nor, 56, yang dijadualkan bersara 31 Januari ini, Najib berkata: "Tunggulah dalam masa terdekat ini."

Berhubung perjanjian yang ditandatangani hari ini, Najib berkata ia merupakan kontrak penyelenggaraan jangka panjang yang dianugerahkan kepada Satang Jaya Sdn Bhd.

"Prestasi Satang Jaya dianggap baik oleh Kementerian Pertahanan dan dipertimbangkan untuk kontrak jangka panjang," kata beliau.

Kontrak penyelenggaraan itu diberikan kepada Satang Jaya untuk tempoh permulaan tiga tahun mulai 1 Oktober 1998 sehingga 30 September 2001 dengan nilai siling kontrak sebanyak RM12 juta.

Pada Disember 2006, nilai siling kontrak ditambah sebanyak RM174.5 juta dan menjadikan nilai siling kontrak sekarang sebanyak RM364.5 juta.